

PENGARUH POLITIK TUNISIA, GEOPOLITIK WANA SERTA GERAKAN ISLAM GLOBAL TERHADAP PEMBENTUKAN AKTIVISME DAN INTELEKTUAL RASHID GHANNOUCHI

(The Influence of Domestic Politics and North African (WANA) Geopolitics on the Formation of Rashid Ghannouchi's Activism and Intellectual Thought)

Zaid Husaini Kamis*, Mohd Roslan Mohd Nor** & Aizan Ali @ Mat Zin***

Abstract

This article analyzes the influence of local politics and the geopolitics of West Asia and North Africa (WANA) on the formation of Rashid Ghannouchi's activism and intellectual thought. As a contemporary thinker and activist within the Islamic movement, Ghannouchi has made significant contributions to the development of Islam in Tunisia, while also contributing to scholarly debates on politics in Islam. The study employs a qualitative approach through document analysis, including Ghannouchi's writings and secondary literature related to Tunisia's political history and regional dynamics. From the perspective of domestic politics, the experience of authoritarian rule under Habib Bourguiba and Ben Ali shaped the orientation of Ghannouchi's discourse, particularly his emphasis on democracy and human rights. At the same time, the geopolitical context of WANA influenced Ghannouchi's realistic approach in navigating Tunisian politics, especially in the post-revolution period. The findings indicate that Ghannouchi's moderate activism and intellectual development were formed through a dynamic interaction between domestic pressures and regional geopolitical realities.

Keywords: *Rashid Ghannouchi, political domestic, West Asia and North Afrika, activism, intellectual.*

Abstrak

Artikel ini menganalisis pengaruh politik domestik Tunisia, geopolitik Asia Barat dan Afrika Utara (WANA), serta gerakan Islam global terhadap pembentukan aktivisme dan intelektual Ghannouchi yang moderat. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen berdasarkan sumber primer, khususnya Public Freedoms in the Islamic State,

* Zaid Husaini Kamis. Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: zhusaini786@gmail.com

** Mohd Roslan Mohd Nor (PhD). Profesor di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: m_roslan@um.edu.my

*** Aizan Ali @ Mat Zin (PhD). Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: aizan@um.edu.my

disokong oleh temu bual dan sumber sekunder. Dapatan menunjukkan bahawa pengalaman di bawah pemerintahan autoritarian Habib Bourguiba dan Zine El-Abidine Ben Ali membentuk komitmen Ghannouchi terhadap demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia. Pemerhatian terhadap perkembangan politik di Syria, Algeria, Sudan dan Iran pula mendorong beliau menolak autoritarianisme sama ada berasaskan sekularisme mahupun agama. Pada masa yang sama, interaksi dengan Ikhwan Muslimin dan Jamaah Tabligh membentuk kerangka pemikiran Islam beliau yang kemudiannya disesuaikan dengan realiti Tunisia melalui penekanan terhadap demokrasi, pluralisme dan politik konsensus. Artikel ini menghujahkan bahawa pembentukan aktivisme dan intelektual Ghannouchi merupakan hasil interaksi dinamik antara politik domestik, geopolitik WANA dan gerakan Islam transnasional yang akhirnya membentuk orientasi aktivisme dan intelektual beliau yang bersifat moderat.

Kata Kunci: *Rashid Ghannouchi, politik domestik, Asia Barat dan Afrika Utara, aktivisme, intelektual.*

Pengenalan

Rashid Ghannouchi merupakan antara tokoh pemikir Islam kontemporari yang berpengaruh dalam perbincangan berkenaan politik Islam di dunia Arab. Peranan beliau sebagai pengasas dan pemimpin gerakan al-Nahdah di Tunisia sering dikaitkan dengan kejayaan proses pendemokrasian pasca-Revolusi Tunisia 2011, khususnya dalam mengelakkan negara tersebut daripada terjerumus ke dalam konflik politik yang berpanjangan sebagaimana yang berlaku di beberapa negara Arab lain yang menyebabkan pertumpahan darah. Keupayaan Ghannouchi untuk mengharmonikan identiti Islam dengan prinsip demokrasi moden telah menarik perhatian sarjana Barat dan dunia Islam sehingga beliau dianggap sebagai antara tokoh utama penting yang membahaskan wacana Islam dan demokrasi oleh Azzam Tamimi, Sharan Grewal, Hafijur Rahman, Andrea Baldi dan beberapa pengkaji lain. Pelabelan tersebut berdasarkan penekanan pendekatan politik Ghannouchi yang menerima demokrasi, pluralisme politik dan hak asasi manusia tanpa meninggalkan asas-asas nilai Islam. Pengiktirafan antarabangsa yang diterimanya seperti Chatham House Prize 2012, penyenaian dalam *Time 100 Most Influential People* serta *Foreign Policy Top 100 Global Thinkers*² menunjukkan bahawa pemikiran dan aktivisme beliau telah melangkaui sempadan Tunisia serta menjadi rujukan penting dalam perbincangan politik Islam kontemporari.

Walaupun demikian, perbincangan berkenaan apakah faktor Ghannouchi menjadikan demokrasi sebagai pegangan politik disamping penekanan terhadap keadilan sosial dan hak asasi sebagai asas aktivisme dan intelektual Ghannouchi tidak begitu diperbahaskan dengan sistematik. Pembentukan aktivisme dan intelektual Ghannouchi cenderung menumpukan perhatian kepada peranan Ghannouchi dalam proses transisi demokrasi Tunisia, evolusi politik al-Nahdah selepas Revolusi 2011 serta usaha beliau mendamaikan Islam dan demokrasi. Kajian oleh Azzam Tamimi, Anne Wolf, Rory McCarthy dan Omair Anas umumnya menjelaskan perubahan pemikiran Ghannouchi daripada Islamisme kepada pendekatan politik yang lebih sederhana dan demokratik. Namun demikian, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara sistematik bagaimana faktor penting seperti pengalaman politik domestik

² Cameron Doley Partner, "Rashid Ghannouchi win Chatham House Prize," *Carter-Ruck Solicitor Regulations Authority*, diakses 31 Mac 2026, <https://www.carter-ruck.com/blog/rashid-ghannouchi-wins-chatham-house-prize/>

berteraskan konsep sekular yang berusaha untuk menjauhkan Tunisia daripada warisan Islam demi identiti yang berorientasikan Barat. Pada peringkat awal, usaha Ghannouchi dalam menggerakkan Islam di Tunisia dipengaruhi oleh keperluan beradaptasi dengan dasar sekular Bourguiba. Penindasan di bawah rejim Bourguiba memaksa Ghannouchi untuk mengamalkan pendekatan yang lebih berhati-hati dalam pelaksanaan dakwah yang dilakukan.⁵ Ghannouchi menyedari bahawa pembawaan Islam secara terang-terangan akan membawa kepada penindasan dari pemerintah menyebabkan beliau menggunakan kaedah kerahsiaan hasil interaksi beliau dengan Ikhwan Muslimin di Syria.⁶ Penyesuaian strategi ini membolehkan Ghannouchi menggerakkan Islam dalam masyarakat Tunisia walaupun di tengah-tengah pemerintah sekular.

Selain itu, gaya pemerintahan autoritarian Bourguiba mempengaruhi pandangan Ghannouchi terhadap demokrasi dan pluralisme politik. Kurangnya kebebasan berpolitik mendorong Ghannouchi mencari alternatif melalui kerangka politik terbuka yang lebih mengiktiraf hak masyarakat dalam penertaan politik secara bebas. Kesannya, Ghannouchi mula cenderung terhadap konsep demokrasi yang mengiktiraf kebebasan bersuara dan penyertaan politik oleh masyarakat awam dalam pemilihan pemimpin negara.⁷ Beliau mula mengintegrasikan idea bahawa Islam boleh wujud bersama nilai demokrasi, dimana prinsip politik Islam menekankan pentingnya shura sebagai prinsip pemerintahan yang dilihat tidak berbeza dengan prinsip demokrasi yang mengutamakan pemilihan pemimpin melalui perwakilan yang dilantik oleh rakyat.⁸ Kemudian, perwakilan tersebut akan bermesyuarat dan melantik pemimpin utama yang akan mengemudi negara dimana merupakan prinsip yang selaras dengan Islam. Perubahan intelektual Ghannouchi ini adalah respon langsung terhadap realiti politik Tunisia yang memerlukan pendekatan baharu strategi politik. Perkara ini dibuktikan melalui penulisan Ghannouchi dalam *Public Freedom in the Islamic State* dimana beliau menjelaskan bahawa pemerintahan diktator di Tunisia menyekat kebebasan individu dan menghalang penyertaan masyarakat dalam politik seterusnya membawa kepada korupsi dalam pentadbiran.⁹

Seterusnya, pengalaman Ghannouchi semasa pemerintahan Bourguiba termasuk penahanan beliau lebih mengukuhkan usaha beliau untuk menyokong sistem politik yang menghormati hak asasi manusia dan kebebasan individu.¹⁰ Fasa penahanan Ghannouchi membolehkan beliau muhasabah berkenaan pembawaan idealisme beliau, seterusnya mengukuhkan kepercayaannya terhadap keperluan demokrasi yang boleh menampung ideologi politik yang pelbagai.¹¹ Perspektif ini penting dalam membentuk platform politik al-Nahdah pada tahun-tahun mendatang pada pasca-revolusi, dimana demokrasi menjadi sistem pentadbiran baharu di Tunisia menggantikan pemerintahan diktator. Kemudian, kekuasaan Habib Bourguiba berakhir dengan penggulingan yang dilaksanakan oleh Ben Ali.

⁵ Susan Waltz, "Islamist appeal in Tunisia", *Middle East Journal* 40, no. 4 (1986), 651-670.

⁶ Azzam Tamimi, Rachid Ghannouchi: A democrat within Islamism (Oxford University Press, 2001), 17.

⁷ Chuchu Zhang, "Islamist Party Mobilization: Tunisia's Ennahda's and Algeria's HMS Compared, 1989–2014," (Springer, 2019), 64.

⁸ Azzam Tamimi, Rachid Ghannouchi, 90.

⁹ Rached Ghannouchi, *Public Freedoms in the Islamic State*, (Yale University Press, 2022), 242.

¹⁰ Ibid, 60.

¹¹ Ibid, 63.

Pemerintahan Ben Ali dibentuk oleh sistem pemerintahan berdasarkan konsep Negara Polis yang lebih keras pendekatan terhadap musuh politik, membentuk konsistensi pandangan Ghannouchi mengenai sistem demokrasi.¹²

Pada tahun 1980-an dan 1990-an, aktivisme politik Ghannouchi sangat dipengaruhi oleh iklim politik yang menindas di Tunisia.¹³ Rejim Ben Ali melaksanakan pelbagai bentuk tindakan represif terhadap pihak pembangkang, khususnya dengan menyasarkan gerakan Islamis seperti al-Nahdah yang dilihat sebagai musuh utama kerajaan. Tekanan ini telah memaksa Ghannouchi bersama para pemimpin dan ahli al-Nahdah untuk mendapatkan perlindungan di luar negara. Ghannouchi yang pada awalnya memperoleh suaka di Algeria sebelum berpindah ke United Kingdom, sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi telah memperkukuh keyakinannya terhadap kepentingan penerapan sistem tersebut di Tunisia. Pengalaman Ghannouchi menikmati keadilan dan kebebasan, serta pengamatannya terhadap keberkesanan sistem demokrasi di United Kingdom, telah memberinya gambaran yang jelas tentang implementasi sistem tersebut. Sebagai contoh, media yang memainkan sentimen Ghannouchi sebagai pengganas adalah *The Sunday Telegraph* dan *Ash-Sharq al-Awsat*.¹⁴ Pelabelan ini menyebabkan Ghannouchi mengheret kedua-dua media tersebut yang membuat liputan terhadap beliau dengan konotasi pengganas ke mahkamah. Hasilnya, Ghannouchi berjaya dalam semua saman yang beliau kemukakan kepada media dan berita yang melabel beliau sebagai pengganas menyelesaikan kes tersebut di luar mahkamah. Hal ini memberi reputasi baik terhadap Ghannouchi dan membersihkan nama beliau dari tohmahan sebagai pengganas. Keadilan yang diperoleh Ghannouchi dalam sistem demokrasi mengukuhkan keyakinan beliau dan perspektif baharu kepada Ghannouchi mengenai bagaimana sistem itu boleh diimplementasikan di Tunisia.¹⁵ Selain itu, keunikan demokrasi yang berteraskan prinsip pengasingan kuasa dan pluralisme politik menjadikannya suatu sistem yang bebas daripada monopoli serta pemusatan kuasa, sekali gus berpotensi membawa manfaat kepada masyarakat

¹² Musuh politik utama Ben Ali yang berupaya menggugat pemerintahan beliau adalah al-Nahdah. Perkara ini dapat dilihat pada keputusan pilihan raya yang dilaksanakan Ben Ali yang menunjukkan bahawa trend sokongan rakyat terhadap al-Nahdah meningkat dengan jumlah yang besar. Al-Nahdah menghantar penyertaan terbesar berbanding parti pembangkang yang lain dengan menawarkan 129 calon dari 141 kerusi parlimen. Menurut *Esposito* dan *Piscatori*, *al-Nahdah* muncul sebagai parti pembangkang yang paling dominan dengan memenangi 14.5 peratus undi popular. Dalam kawasan bandar, populariti *al-Nahdah* dilihat lebih meluas dengan sokongan undian sehingga 30 peratus di beberapa kawasan pusat bandar. Jika dibandingkan dengan parti pembangkang yang lain, gabungan kesemua undian hanya mencatatkan sokongan tidak melebihi 5 peratus. Perbezaan ketara undian *al-Nahdah* dengan parti pembangkang dilihat memberi ancaman kepada legitimasi pemerintahan Ben Ali. Keadaan ini menyebabkan Ben Ali menukar pendekatan kepada diktator dengan menindas ahli dan pemimpin *al-Nahdah* dalam usaha mengawal pengaruh al-Nahdah dari berkembang. John L. Esposito and Piscatori, "Democratization and Islam," *Middle East Journal* 45 no. 3 (1991), 427-440.

¹³ Pada waktu ini, al-Nahdah (sebelum itu Ittijah al-Muslim) mula menjadi sasaran pemerintah disebabkan oleh pengaruh gerakan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Tunisia. Sebelum tahun 1980-an, Ittijah al-Muslim tidak menjadi sasaran tekanan pemerintah kerana dilihat tidak memberi ancaman serius berbanding kumpulan gerakan Haluan Kiri yang lebih mendominasi suara rakyat terutamanya golongan pekerja dan buruh. Namun, kejayaan Habib Bourguiba melemahkan golongan Kiri dengan menggunakan platform dan pendekatan agama namun pada masa yang sama menaikkan reputasi al-Nahdah menjadikan al-Nahdah sebagai lawan politik yang baharu. Oleh itu, pengaruh yang dimiliki Ittijah al-Muslim yang kemudiannya berubah nama kepada al-Nahdah menjadikan gerakan itu sebagai sasaran utama penindasan rejim. Rujuk Anne Wolf, *Political Islam in Tunisia: The History of Al-Nahdah*.

¹⁴ Azzam, Rachid Ghannouchi, 203

¹⁵ Yusra Ghannouchi (PhD, (Sekretariat al-Nahdah dan anak kepada Ghannouchi), dalam temubual dengan penulis, 25 November 2024.

Tunisia. Oleh itu, pengalaman penindasan politik di bawah Ben Ali telah memberi kesan yang signifikan terhadap perkembangan intelektual Ghannouchi, seterusnya mengukuhkan keyakinannya terhadap kepentingan aplikasi sistem demokrasi.¹⁶

Secara keseluruhannya, dasar dan tindakan politik Habib Bourguiba serta Ben Ali telah memberi kesan yang mendalam terhadap pembentukan aktivisme dan pemikiran intelektual Ghannouchi. Tekanan serta cabaran yang lahir daripada pemerintahan autoritarian kedua-dua tokoh tersebut telah mendorong Ghannouchi untuk mengembangkan pendekatan yang lebih pragmatik dan bersifat sederhana. Pendekatan ini menekankan keserasian antara prinsip-prinsip Islam dengan nilai-nilai demokrasi, sekali gus menyokong pembentukan kerangka politik yang mengiktiraf hak asasi manusia dan kebebasan, sebagaimana yang berkembang dalam era pasca-revolusi Tunisia.

Pengaruh Geopolitik Afrika Utara dan Asia Barat

Pembentukan aktivisme politik dan pemikiran intelektual Rashid Ghannouchi tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh geopolitik rantau Asia Barat dan Afrika Utara (WANA) yang menjadi medan utama pertembungan antara nasionalisme, sekularisme, autoritarianisme dan kebangkitan Islam sepanjang abad ke-20. Berbeza dengan pendekatan yang melihat pemikiran Ghannouchi sebagai hasil pengaruh ideologi Islam semata-mata, artikel ini berhujah bahawa perkembangan intelektual beliau turut dibentuk melalui proses pembelajaran politik daripada pengalaman negara-negara Islam lain di rantau tersebut. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui penulisan karya Rashid Ghannouchi dalam *Public Freedom in the Islamic State* dimana beliau memerhatikan kerencaman politik yang berlaku Syria, Sudan, Iran dan Algeria yang membuka perspektif beliau dalam mengadaptasi pendekatan politik di Tunisia.¹⁷ Pemerhatian yang berlaku bukan sekadar dari bahan bacaan atau berita di media, malah ia datang dari pengalaman permastautinan beliau di Syria, Algeria dan Sudan dimana beliau merasai pengalaman autentik keadaan yang berlaku di negara tersebut. Fakta ini disokong oleh penulisan biografi Ghannouchi yang dikarang Azzam Tamimi bertajuk *Rashid Ghannouchi: A Democrat Within Islamism* dimana hasil temubual bersama Ghannouchi menunjukkan secara jelas bahawa Ghannouchi memerhati dan mengamati dinamik geopolitik serantau sebagai satu wadah dalam memahami cabaran dalam gerakan Islam.¹⁸

Perkembangan pemikiran Ghannouchi dapat difahami sebagai hasil proses pembelajaran rentas sempadan yang membolehkan beliau menyesuaikan pengalaman politik negara lain dengan realiti Tunisia. Beliau tidak menerima secara langsung model politik yang berkembang di rantau WANA, sebaliknya melakukan proses pemilihan dan penyesuaian berdasarkan keperluan masyarakat Tunisia yang dicirikan oleh tradisi sekularisme negara yang kuat serta kewujudan masyarakat yang rencam. Perkara ini dibincangkan dengan mendalam oleh Ghannouchi dalam buku *Public Freedom in the Islamic State* dimana beliau menganalisa perkembangan geopolitik serantau yang terdiri dari negara Sudan, Iran, Algeria dan Syria dan mengambil pengajaran dari situasi geopolitik yang berlaku. Keadaan ini menjelaskan mengapa

¹⁶ Azzam Tamimi, *Rachid Ghannouchi: A Democrat within Islamism*. (Oxford: Oxford University Press, 2001), 169.

¹⁷ Rached Ghannouchi, *Public Freedoms in the Islamic State*, (Yale University Press, 2022), 240 369, 388.

¹⁸ Azzam Tamimi, *Rachid Ghannouchi: A Democrat within Islamism*. (Oxford: Oxford University Press, 2001), vii.

pemikiran Ghannouchi berkembang ke arah demokrasi dan perkongsian kuasa, berbeza dengan sebahagian gerakan Islam lain yang mengekalkan pendekatan yang lebih radikal dan konfrontatif seperti Hizbut Tahrir.

Pengalaman Syria merupakan antara faktor awal yang membentuk kesedaran politik Ghannouchi. Kebangkitan nasionalisme Arab dan dominasi Parti Ba'ath memperlihatkan bagaimana negara sekular autoritarian menggunakan instrumen politik untuk mengawal dan menekan masyarakat serta mengekang pengaruh gerakan Islam.¹⁹ Penindasan terhadap Ikhwan Muslimin Syria menunjukkan bahawa pengasingan agama daripada politik tidak semestinya menghasilkan masyarakat yang lebih demokratik, malah boleh membawa kepada pemusatan kuasa dalam tangan elit pemerintah. Pemerhatian terhadap pengalaman Syria mendorong Ghannouchi untuk mempersoalkan model sekularisme autoritarian yang meminggirkan agama daripada ruang awam sebagaimana dinukilkan beliau dalam buku *Public Freedom in the Islamic State*.²⁰ Pada masa yang sama, beliau turut menyedari bahawa konfrontasi langsung antara negara dan gerakan Islam berpotensi menghasilkan konflik yang berpanjangan yang boleh membawa kepada pertumpahan darah. Justeru, Kesedaran ini membentuk kecenderungan beliau terhadap politik dialog dan konsensus sebagai alternatif kepada pendekatan konfrontatif yang diamalkan oleh sebahagian gerakan Islam di rantau tersebut.²¹

Pengalaman Sudan memperlihatkan bahawa Islamisasi negara tidak semestinya menghasilkan pemerintahan yang demokratik. Sokongan Front Islam Nasional terhadap rampasan kuasa 1989, penggantungan institusi demokrasi, pemusatan kuasa politik dan penindasan terhadap pembangkang menyebabkan ramai sarjana menganggap rejim Sudan sebagai contoh autoritarianisme berasaskan agama. Pengalaman ini memberi pengajaran penting kepada Ghannouchi bahawa pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan memerlukan mekanisme demokrasi, pluralisme dan semak imbang bagi mengelakkan monopoli kuasa atas nama agama. Kritikan beliau terhadap pengalaman Sudan yang didapati dalam penulisan *Public Freedom in the Islamic State* menunjukkan bahawa pemikirannya semakin beralih daripada perbincangan mengenai bentuk negara Islam kepada persoalan yang lebih asas mengenai tadbir urus yang baik, keadilan sosial dan perlindungan hak asasi manusia.²² Pengalaman Sudan turut mengukuhkan keyakinannya bahawa demokrasi dan pluralisme politik bukanlah ancaman kepada Islam, sebaliknya instrumen yang boleh memastikan prinsip-prinsip Islam dilaksanakan secara lebih adil dan berkesan.²³

Selain itu, Revolusi Iran 1979 turut memberikan kesan penting terhadap pembentukan aktivisme Ghannouchi. Revolusi tersebut membuktikan bahawa Islam mempunyai keupayaan untuk menjadi sumber mobilisasi politik yang berkesan dalam mencabar rejim autoritarian yang disokong oleh kuasa Barat. Pada peringkat awal, kejayaan revolusi ini memberi inspirasi kepada banyak gerakan Islam termasuk di Tunisia.²⁴ Namun begitu, perkembangan politik Iran selepas revolusi memperlihatkan cabaran besar dalam mengurus hubungan antara autoriti agama, kebebasan politik dan kepelbagaian masyarakat. Pengalaman ini mendorong Ghannouchi untuk mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati terhadap idea penguasaan

¹⁹ Ibid, 24.

²⁰ Rached Ghannouchi, *Public Freedoms in the Islamic State* (Yale University Press, 2022), 367.

²¹ Ibid, 32, 104.

²² Ibid, 389.

²³ Rashid Ghannouchi, "Islam, Democracy, and the Future of the Muslim World," *laman sesawang Columbia University*, diakses 20 Jun 2026, <https://www.youtube.com/watch?v=X0-D78jMEyA>.

²⁴ Rached Ghannouchi, *Public Freedoms in the Islamic State* (Yale University Press, 2022), 185.

mutlak institusi agama ke atas negara.²⁵ Berbeza dengan model Iran yang memberikan kedudukan istimewa kepada golongan ulama dalam sistem politik, Ghannouchi lebih cenderung kepada konsep negara yang berasaskan penyertaan rakyat dan legitimasi demokrasi.²⁶ Kesan dari pengamatan terhadap orientasi politik di Iran menatijahkan penolakan Ghannouchi terhadap pemerintahan agama yang bersifat teokratik, dimana menurut beliau akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa.

Seterusnya, peristiwa turut memberi kesan terhadap strategi politik Ghannouchi ialah pengalaman Algeria pada awal 1990-an. Pembatalan kemenangan pilihan raya Barisan Penyelamat Islam (FIS) oleh pihak tentera dan tercetusnya perang saudara yang berpanjangan menjadi titik perubahan penting dalam pemikiran beliau.²⁷ Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa kemenangan pilihan raya sahaja tidak mencukupi untuk menjamin peralihan kuasa yang aman sekiranya tiada konsensus politik antara pelbagai kelompok dalam masyarakat. Konflik Algeria membuktikan bahawa polarisasi antara Islamis dan sekularis boleh membawa kepada keganasan yang memusnahkan institusi negara serta mengorbankan ribuan nyawa.²⁸ Pengajaran daripada Algeria menyebabkan Ghannouchi semakin menekankan kepentingan toleransi politik, perkongsian kuasa dan kompromi antara pelbagai kelompok ideologi. Pendekatan ini kemudiannya diterjemahkan dalam strategi al-Nahdah selepas Revolusi Tunisia apabila parti tersebut memilih untuk bekerjasama dengan parti-parti sekular walaupun mempunyai peluang untuk mendominasi kerajaan.

Di samping faktor politik, cabaran sosioekonomi yang melanda rantau WANA turut mempengaruhi orientasi pemikiran Ghannouchi. Kadar pengangguran yang tinggi, kemiskinan, ketidaksamaan ekonomi dan kegagalan pembangunan di kebanyakan negara Arab memperlihatkan kelemahan model pembangunan negara.²⁹ Pengalaman ini mendorong Ghannouchi untuk memberi penekanan kepada konsep keadilan sosial sebagai salah satu objektif utama pemerintahan Islam.³⁰ Akan tetapi, penekanan Ghannouchi dalam isu sosioekonomi mendapat kritikan hebat disebabkan oleh keadaan ekonomi di Tunisia yang tidak berkembang pasca-revolusi dan kadar pengangguran yang masih ditahap yang membimbangkan (lihat rajah 1).³¹ Lantaran itu, pemerhati dan pengkaji politik melihat Ghannouchi terperangkap dengan terma keadilan sosial tanpa usaha yang pragmatik.

²⁵ Rashid Ghannouchi, "Islam, Democracy, and the Future of the Muslim World," *laman sesawang Columbia University*, diakses 20 Jun 2026, <https://www.youtube.com/watch?v=X0-D78jMEyA>.

²⁶ Rached Ghannouchi, *Public Freedoms in the Islamic State* (Yale University Press, 2022), 219.

²⁷ *Ibid*, 337.


²⁸ Carl Brown, "Civil War: The Islamists Versus the Army," *laman web Britannica*, akses 25 Jun 2026, <https://www.britannica.com/place/Algeria/Civil-war-the-Islamists-versus-the-army?>

²⁹ Ian Ayres and Jonathan R. Macey, "Institutional and Evolutionary Failure and Economic Development in the Middle East," *Yale Journal of International Law* 30, no. 2 (2005), 397-429.

³⁰ Rached Ghannouchi, *Public Freedoms in the Islamic State* (Yale University Press, 2022), 260.

³¹ Kamaruzzaman Yusuf (PhD, mantan Profesor di Akademi Tamadun Islam), Universiti Teknologi Malaysia, dalam temubual dengan pengkaji, 30 Mac 2026.

Rajah 1: Kadar Pengangguran di Tunisia



Sumber: Bank Dunia

Secara keseluruhannya, pengaruh geopolitik WANA terhadap pembentukan aktivisme dan intelektual Ghannouchi tidak berlaku dalam bentuk pemindahan idea secara langsung, tetapi melalui proses pembelajaran politik yang kritikal terhadap pengalaman negara-negara Islam lain. Pengalaman Syria mengajarnya tentang bahaya sekularisme autoritarian, pengalaman Sudan memperlihatkan risiko autoritarianisme atas nama Islam, Revolusi Iran menunjukkan potensi dan keterbatasan mobilisasi agama, manakala tragedi Algeria mengukuhkan komitmennya terhadap demokrasi konsensus dan perkongsian kuasa. Hasil daripada proses pembelajaran ini, Ghannouchi membangunkan satu pendekatan politik yang menggabungkan identiti Islam dengan demokrasi, pluralisme dan keadilan sosial. Pendekatan inilah yang kemudiannya menjadi asas kepada transformasi al-Nahdah daripada gerakan Islamis kepada parti politik yang menerima demokrasi sebagai mekanisme utama dalam mengurus kepelbagaian masyarakat Tunisia.

Pengaruh Gerakan Islam Global

Pembentukan aktivisme politik dan pemikiran intelektual Rashid Ghannouchi tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh pelbagai gerakan Islam transnasional yang berkembang di dunia Islam sepanjang abad ke-20. Namun demikian, adalah kurang tepat untuk melihat Ghannouchi sebagai produk langsung mana-mana gerakan tersebut. Sebaliknya, perkembangan pemikiran beliau memperlihatkan satu proses interaksi yang kritikal dengan pelbagai aliran Islam kontemporari melalui mekanisme penerimaan, penyesuaian dan penolakan idea. Dalam konteks ini, pengaruh Ikhwan Muslimin, Jamaah Tabligh dan Hizb ut-Tahrir tidak membentuk satu kesinambungan ideologi yang linear, tetapi menyumbang kepada pembinaan kerangka pemikiran Ghannouchi. Menurut Shakira Alisakun, evolusi pemikiran Ghannouchi

menunjukkan bagaimana seorang aktivis Islam menyesuaikan gagasan Islami dengan realiti politik moden tanpa meninggalkan asas-asas nilai Islam.³²

Pengaruh Ikhwan Muslimin terhadap pembentukan aktivisme politik dan pemikiran intelektual Rashid Ghannouchi merupakan antara faktor paling signifikan yang membentuk orientasi awal perjuangan beliau dalam gerakan Islam Tunisia. Pendedahan Ghannouchi kepada pemikiran Ikhwan Muslimin semasa pengajiannya di Syria pada dekad 1960-an telah membawa perubahan besar dalam kerangka pemikirannya, daripada kecenderungan awal terhadap nasionalisme Arab kepada penerimaan Islam sebagai satu sistem kehidupan yang menyeluruh (*syumuliyah al-Islam*).³³ Melalui karya-karya Hasan al-Banna dan Sayyid Qutb serta interaksi dengan aktivis Ikhwan Muslimin di Syria, Ghannouchi mula memahami bahawa Islam bukan sekadar agama yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhan, tetapi turut menyediakan panduan dalam aspek politik, sosial, ekonomi dan peradaban.³⁴ Pengaruh ini dapat dilihat dalam penerimaan beliau terhadap konsep Islam sebagai *din wa dawlah* (agama dan negara), yang menegaskan bahawa agama mempunyai peranan penting dalam pembentukan sistem politik dan pembangunan masyarakat.³⁵

Selain itu, Ikhwan Muslimin turut mempengaruhi pendekatan aktivisme beliau melalui penekanan terhadap dakwah, pendidikan masyarakat dan pembinaan kesedaran Islam sebagai asas kepada perubahan sosial dan politik.³⁶ Seperti Ikhwan di Mesir yang mengutamakan pembinaan individu Muslim sebelum pembentukan masyarakat dan negara Islam, Ghannouchi pada peringkat awal perjuangannya menumpukan usaha dakwah melalui Jamaah Islamiyyah yang kemudiannya berkembang menjadi al-Nahdah. Pengaruh Ikhwan juga dapat dilihat dalam penerimaan beliau terhadap konsep syura sebagai asas pemerintahan Islam pada awal transisi beliau dari seorang yang berpegang kepada fahaman nasionalis kepada islamis.³⁷ Walaupun Ghannouchi kemudiannya menjadi pendukung demokrasi, beliau tidak melihat demokrasi sebagai konsep asing daripada Islam, sebaliknya menafsirkannya sebagai manifestasi moden kepada prinsip syura yang telah lama dibincangkan dalam tradisi Islam.³⁸ Namun demikian, pengaruh Ikhwan Muslimin terhadap Ghannouchi tidak bersifat statik atau dogmatik. Pengalaman politik yang dilaluinya di Tunisia ditambah dengan pemerhatian terhadap perkembangan gerakan Islam di Algeria, Sudan, Iran dan Syria telah mendorong beliau melakukan proses penyesuaian dengan realiti politik di Tunisia. Jika pada peringkat awal beliau cenderung kepada gagasan Islamisme, pengalaman autoritarianisme dan konflik politik di rantau Arab meyakinkan beliau bahawa matlamat Islam tidak semestinya dicapai melalui penubuhan negara teokratik atau dominasi politik oleh gerakan Islam.³⁹ Sebaliknya, beliau mula mengembangkan pendekatan yang lebih pragmatik dengan mengharmonikan nilai-nilai

³² Shakira Alisakun, "Islam and Democracy: A Study on Rachid Ghannouchi's Views," *IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 13, no. 2 (2020), 27–54.

³³ Azzam Tamimi, *Rachid Ghannouchi: A Democrat within Islamism* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 22.

³⁴ Ibid.

³⁵ Azzam Tamimi, *Rachid Ghannouchi: A Democrat within Islamism* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 30.

³⁶ Azzam Tamimi, *Rachid Ghannouchi: A Democrat within Islamism* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 42.

³⁷ Hafijur Rahman, "The Perception of Muslim Democracy in the Political Thought of Rachid Ghannouchi," *Akademik Hassasiyetler* 8, no. 15 (2021), 361-376.

³⁸ Rashid Ghannouchi, "Islam, Democracy, and the Future of the Muslim World," *laman sesawang Columbia University*, diakses 20 Jun 2026, <https://www.youtube.com/watch?v=X0-D78jMEyA>.

³⁹ Rached Ghannouchi and Andrew F. March, *On Muslim Democracy: Essays and Dialogues*, terjemahan Jonathan Wright and Andrew F. March, (New York: Oxford University Press, 2023), 43.

Islam seperti keadilan (*'adl*), kebebasan (*hurriyyah*), syura dan kemaslahatan (*maslahah*) dengan prinsip demokrasi, pluralisme politik dan hak asasi manusia.⁴⁰

Seterusnya, pengaruh Ikhwan Muslimin terhadap Ghannouchi bukan sahaja terbatas kepada aspek ideologi dan dakwah, malah turut melibatkan pendekatan organisasi. Seperti Ikhwan Muslimin yang beroperasi secara separa rahsia ketika berhadapan dengan penindasan rejim Mesir, Ghannouchi turut mengadaptasi pendekatan yang sama dalam menggerakkan Jamaah Islamiyyah pada peringkat awal perkembangannya di Tunisia. Faktor kawalan ketat negara terhadap aktivisme Islam menyebabkan gerakan tersebut berkembang melalui rangkaian kecil yang tertumpu di masjid, universiti dan kelompok usrah, sekali gus membolehkan penyebaran idea Islam dilakukan secara lebih tersusun tanpa menarik perhatian pihak berkuasa. Pendekatan ini memperlihatkan pengaruh langsung model organisasi Ikhwan Muslimin yang menekankan pembinaan kader, disiplin organisasi dan kerahsiaan gerakan ketika berhadapan dengan tekanan politik.⁴¹

Di samping Ikhwan Muslimin, Jamaah Tabligh turut memberi pengaruh penting terhadap pembentukan pendekatan dakwah Ghannouchi. Berbeza dengan Ikhwan yang memberi penekanan kepada perubahan politik, Jamaah Tabligh lebih menumpukan kepada pembinaan individu dan moral masyarakat. Perkara ini disentuh anak beliau iaitu Youssa Ghannouchi pada temubual dengan pengkaji dimana beliau menyatakan ketokohan Ghannouchi dibentuk melalui penyertaan Ghannouchi dalam Jamaah Tabligh semasa Ghannouchi berada di Perancis.⁴² Hal ini kerana Ghannouchi menjadi ketua kumpulan (halaqah) Jamaah Tabligh dan bertindak sebagai penyampai dan menyusun aktiviti dakwah semasa keberadaan di Perancis. Justeru, impak Jamaah Tabligh terhadap Ghannouchi bukan sahaja pada kesalehan individu, bahkan ia turut menyediakan ruang kepada Ghannouchi untuk mengasah kemampuan mengurus dan berucap. Namun demikian, Ghannouchi tidak menerima pendekatan Jamaah Tabligh secara keseluruhan. Beliau mengkritik kecenderungan gerakan tersebut untuk menjauhkan diri daripada persoalan politik dan struktur kuasa. Menurut Ghannouchi, pembaharuan moral semata-mata tidak mencukupi sekiranya sistem politik yang menindas terus dikekalkan.⁴³ Oleh itu, beliau cuba menggabungkan pendekatan tabligh dengan pendekatan kerahsiaan Ikhwan Muslimin dalam usaha menggerakkan usaha dakwah pada peringkat awal sebelum pengisytiharan secara jelas kemasukan dalam politik pada tahun 1981.

Secara keseluruhannya, pengaruh Ikhwan Muslimin dan Jamaah Tabligh terhadap Ghannouchi tidak menghasilkan penerimaan ideologi yang bersifat mutlak. Sebaliknya, beliau melakukan proses penyesuaian dengan mengambil elemen-elemen yang sesuai daripada setiap gerakan dan menyesuaikan dengan realiti Tunisia. Ikhwan Muslimin menyumbang kepada kerangka Islam yang menyeluruh dan Jamaah Tabligh membentuk orientasi dakwah dan pembangunan masyarakat. Hasil daripada interaksi kritikal ini, Ghannouchi membangunkan satu model politik yang berbeza daripada Islamisme tradisional dengan penekanan terhadap

⁴⁰ Azzam Tamimi, *Rashid Ghannouchi: A Democrat within Islamism* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 352, 360.

⁴¹ Azzam Tamimi, *Rashid Ghannouchi: A Democrat within Islamism* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 44-45.

⁴² Yusra Ghannouchi (PhD, Sekretariat al-Nahdah dan anak kepada Ghannouchi), dalam temubual dengan penulis, 25 November 2024.

⁴³ Azzam Tamimi, *Rashid Ghannouchi: A Democrat within Islamism* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 39-40.

- John L. Esposito dan Piscatori, "Democratization and Islam," *Middle East Journal* 45 no. 3 (1991), 427-440.
- Kamaruzzaman Yusuf (PhD, mantan Profesor di Akademi Tamadun Islam), Universiti Teknologi Malaysia, dalam temubual dengan pengkaji, 30 Mac 2026.
- Rached Ghannouchi dan Andrew F. March, *On Muslim Democracy: Essays and Dialogues*, terjemahan Jonathan Wright dan Andrew F. March. New York: Oxford University Press, 2023.
- Rashid Ghannouchi, "Islam, Democracy, and the Future of the Muslim World," laman sesawang Columbia University, diakses 20 Jun 2026, <https://www.youtube.com/watch?v=X0-D78jMEyA>.
- Rached Ghannouchi. *Public Freedoms in the Islamic State*. Yale University Press, 2022.
- Shakira Alisakun, "Islam and Democracy: A Study on Rachid Ghannouchi's Views," *IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 13, no. 2 (2020), 27–54.
- Susan Waltz, "Islamist appeal in Tunisia", *Middle East Journal* 40, no. 4 (1986), 651-670.
- Yusra Ghannouchi (PhD, Sekretariat al-Nahdah dan anak kepada Ghannouchi), dalam temubual dengan penulis, 25 November 2024.